

# Tak pernah lupa Adib

Keluarga arwah adakan tahlil doakan kesejahteraan setiap minggu

Oleh Aizat Sharif  
mohd.aizat@hmetro.com.my

## Alor Setar

“Saya tak pernah setiap saat pun lupa untuk berdoa kepada Adib.”

Begitulah luahan Asma Aziz, 52, ibu kepada anggota bomba Muhammad Adib yang maut dalam kejadian rusuhan di tapak kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Subang Jaya pada 27 November tahun lalu.

Menurut Asma, ketika menunaikan ibadah haji bersama suaminya, Mohd Kassim Abdul Hamid, 64, tahun ini, dia tidak putus-putus menyedekahkan doa kepada anaknya.



ANGGOTA bomba mengaminkan doa selepas solat hajat memohon keputusan adil terhadap kematian Allahyarham Muhammad Adib di Surau Ibu Pejabat Bomba Dan Penyelamat Negeri Kedah, Jalan Suka Menanti.

## Harap keputusan adil buat arwah

Alor Setar: “Saya harap keputusan menyebelahi arwah esok (hari ini) kerana arwah seorang yang baik, berbudi bahasa dan menghormati orang tua,” luah Mohd Radzi Bedah.

Mohd Radzi, 52, bapa kepada Nurul Najihah, 26, iaitu tunang kepada Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, 24.

Katanya, pemergian arwah memberi tamparan hebat kepada anaknya sehingga dia perlu berada lebih sebulan di sisi anaknya yang ketika itu sukar menerima kematian arwah.

“Saya berharap kematian arwah tidak sia-sia, apa yang anak saya tanggung

memberi kesan terhadap hidupnya. Kami reda dengan pemergian arwah cuma mahukan keadilan.

“Nurul Najihah kini mengikuti kursus warden penjara di Pusat Latihan Pelapung, Taiping. Saya akan menjemput Najihah di pusat berkenaan dan menghantarnya ke stesen kereta api untuk ke Shah Alam bagi mendengar keputusan inkuies Allahyarham esok (hari ini),” katanya kepada Harian Metro, semalam.

Mohd Radzi berkata, anak keduanya itu mendapat pelepasan untuk mendengar keputusan inkuies di Shah Alam selepas menerima surat daripada peguam yang mewakili keluarga arwah.

pung Tebengau, Kuala Kedah, semalam.

Asma berkata, dia dan suaminya bertolak ke Shah Alam untuk mendengar keputusan inkuies berkenaan.

Sementara itu, tiada apa yang dimahukan bapa Adib, Mohd Kassim Abdul Hamid, 64, selain melihat keadilan dicapai dalam keputusan itu.

“Harapan pak cik, keadilan dapat dicapai kerana memang kami terkesan dengan kehilangan Adib selama ini.

“Tiap-tiap minggu kami adakan tahlil buat Adib demi kesejahteraan dia,” katanya.

Dalam kunjungan Harian Metro ke kediaman keluarga Adib, keluarga berkenaan mengadakan tahlil dan bacaan Yasin buat Adib.

Majlis turut dihadiri Dewan Muslimat PAS, Pergerakan Wanita UMNO Kuala Kedah serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Cawangan Kota Setar.

“Malah, di Makkah juga, mak cik tidak pernah lupa berdoa kepada Allah SWT supaya Adib sentiasa sejahtera di sana.

“Namun harapan mak cik supaya keadilan dapat ditegakkan buat Adib,” katanya di kediamannya di Kam-



Harapan pak cik, keadilan dapat dicapai kerana memang kami terkesan dengan kehilangan Adib”

Mohd Kassim

